

Menyebabkan syarikat2 maju rugi

MAHATHIR TEGUR

PENTADBIR2 TAK

BERTANGGUNGJAWAB

KUALA LUMPUR 28 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur perbuatan dan tindak-tanduk tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh setengah-setengah bumiputera sehingga syarikat-syarikat maju yang diambilalih oleh mereka mengalami prestasi menurun dan rugi dengan teruknya.

Perdana Menteri menegaskan, tindak-tanduk mereka ini, setelah diberi peluang untuk mentadbir syarikat-syarikat maju merupakan gejala-gejala yang menidakkan pembentukan dasar untuk mengimbangkan pembangunan kaum di negara ini.

Sambil melahirkan rasa

dukacitanya terhadap perbuatan-perbuatan tidak bertanggungjawab ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa kerajaan tidak dapat bersimpati dengan mereka yang menggagalkan usaha negara ke arah peningkatan taraf hidup bumiputera dan keadilan masyarakat.

“Untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang penting bukan pemilikan saham atau gaji besar sebagai pengurus tetapi ialah bagaimana dalam pengurusan dan kecekapan,” katanya di majlis ulangtahun ke-10 Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini.

Tegas beliau, sekiranya pengurusan cekap dan bertanggungjawab, syarikat-

syarikat milik sendiri pun mahu untuk bersaing dan berjaya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyangkal tuduhan kononnya hanya beberapa orang bumiputera sahaja yang mendapat nikmat daripada DEB.

Tambah beliau, DEB bukan bertujuan untuk memindah secara percuma kekayaan orang lain kepada bumiputera tetapi ia bertujuan memberi peluang yang lebih kepada bumiputera supaya dengan modal, usaha gigih dan pengurusan yang cekap dan jujur, mereka dapat mengambil tempat yang sewajarnya dalam kegiatan ekonomi negara ini.

Mengenai PNB, Perdana Menteri mengingat-

kan semua pihak bahawa penubuhannya bukan untuk kekayaan atau keuntungan percuma kepada bumiputera kerana tidak ada yang percuma di dunia.

Setiap orang yang ingin mendapat dividen, katanya, mestilah melabur dan menanggung risiko pelaburan, walaupun sebanyak \$10.

“PNB adalah satu daripada instrumen utama negara untuk menjayakan DEB dan melaluinya, bumiputera sekarang mempunyai saham dalam syarikat-syarikat gergasi seperti Sime Darby, Harrison & Crossfield, Malayan Mining Corporation yang dahulu dikenali sebagai London Tin dan berpuh syarikat lain,” ujar beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, PNB yang hanya berusia 10 tahun telah menjadi agensi yang terbesar di Malaysia dan mungkin juga di dunia jika dikira pelabur seramai 2.3 juta yang melabur dengannya.

Beliau berpendapat, pencapaian ini boleh dibanggakan oleh sesiapa sahaja dalam dunia perniagaan dan bahawa PNB ditubuhkan dalam sebuah negara yang membangun menjadikannya lebih menarik.

Perdana Menteri berkata, “kita tidak harus puji diri tetapi tidaklah salah jika kita mempunyai rasa bangga dalam hati kerana kejayaan yang dicapai.”

Tambah beliau, demikianlah kecekapan yang ditunjukkan oleh pengurusan PNB sehingga pi-

hak kerajaan telah mengesyorkan untuk menggunakan kemudahan PNB untuk mengawasi perjalanan semua syarikat milik kerajaan atau di mana kerajaan mempunyai kepentingan.

Beliau menjelaskan, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri memiliki hampir 900 buah syarikat dan kerana bilangan yang besar, adalah sukar bagi kerajaan untuk mengawasi perjalanan setiap syarikat itu.

Menurut beliau, di masa lalu, kerajaan hanya sedar akan adanya syarikat-syarikat tertentu apabila sesuatu yang tidak diingini berlaku.